




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MEKANISME PELANJUTAN PENJAGAAN PESAKIT KE UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Hospital KKM telah ditawarkan sejak 2007. Sehingga kini, terdapat 15 hospital KKM yang menawarkan perkhidmatan PT&K untuk indikasi tertentu sahaja. Maklumat lanjut berkenaan senarai perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM boleh didapati di [laman sesawang rasmi BPTK](#).



Pesakit yang sesuai untuk menerima perkhidmatan PT&K haruslah dilanjutkan penjagaan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar (PPB).

Pesakit haruslah:

- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Stabil; dan
- Mematuhi kriteria untuk menerima perkhidmatan PT&K berdasarkan garis panduan amalan yang berkenaan.

Pelanjutan penjagaan dibuat dengan mengisi [Borang Pelanjutan Penjagaan ke Perkhidmatan PT&K di Hospital KKM*](#) oleh PPB.

**Dokumen berkaitan adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa*

Kakitangan perubatan di Unit PT&K dan pengamal PT&K akan menilai kesesuaian pesakit untuk menerima perkhidmatan PT&K.

Pengamal PT&K akan memberikan perkhidmatan PT&K kepada pesakit mengikut rejim perkhidmatan yang dipersetujui selepas prosedur, potensi keberkesanan dan kesan sampingan perkhidmatan diperjelaskan kepada pesakit.

Selepas pesakit tamat rejim perkhidmatan yang ditetapkan, pesakit akan didiscaj dan pengamal PT&K akan mengisi [Laporan Penilaian Pesakit Unit PT&K Hospital KKM*](#) untuk disampaikan oleh pesakit kepada PPB.

PPB akan mendapatkan maklumat pesakit seperti **jenis perkhidmatan PT&K yang diterima, rejim perkhidmatan, dan perkembangan pesakit menggunakan *assessment tools* yang disyorkan.**

[Mekanisma Komunikasi Dua-Hala Antara Pengamal PT&K Dan PPB Di Hospital KKM](#) boleh dirujuk di laman sesawang rasmi BPTK

Disediakan oleh

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

📍 Blok E, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur ☎ 03 – 2279 8100 ✉ tcm@moh.gov.my



🏠 moh.gov.my/tcm